

25 AUG 2000

Mahathir-Pas

PAS GOLONGAN TAK BERSYUKUR, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata dakwaan Pas bahawa anggota parti itu tidak mendapat faedah daripada dasar-dasar kerajaan yang membantu golongan Melayu menunjukkan bahawa mereka ialah golongan yang tidak pernah bersyukur.

"Bayar balikkah segala biasiswa yang dah diterima, segala jalan-jalan yang dibuat di kampung-kampung, perbelanjaan yang digunakan hasil kutipan cukai... Takpun kita boleh korek balik jalan-jalan itu kalau dia kata tak terima.

"Inilah manusia yang tak pernah bersyukur," katanya kepada pemberita sekembalinya ke tanah air selepas menghadiri Persidangan Antarabangsa Selatan Afrika 2000 di Mozambique dan lawatan singkat ke London.

Yang turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk menyambut Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet dan anggota parlimen serta penduduk kawasan parlimen Kubang Pasu yang sedang dalam lawatan ke ibu negara dan Putrajaya.

Dr Mahathir mengulas laporan akhbar berbahasa Melayu semalam mengenai dakwaan Pas kononnya anggota mereka tidak menikmati faedah-faedah itu, sebaliknya faedah tersebut hanya dinikmati orang Umno.

Dr Mahathir juga ditanya tentang kenyataan Pas bahawa isu hak keistimewaan Melayu yang timbul baru-baru ini adalah satu lagi sandiwara kerajaan.

Katanya: "Semuanya sandiwara dan konspirasi. Jika tak buat kerja lain, itu sajalah kerja kita.

"Itulah sebab cara kita menguruskan ekonomipun dikata sebagai satu sandiwara juga. Serangan terhadap sistem kewangan kita juga adalah satu sandiwara dan cara kita mengatasinya juga sandiwara," katanya.

Ditanya apakah tindakan kerajaan untuk mengubah fikiran mereka (anggota Pas), beliau berkata: "Itu adalah pemikiran mereka, macam mana kita nak betulkan. Orang macam tu, kita tidak boleh hendak kata apa lagi dah. Kalau kita tunjuk putih, dia kata hitam. Kalau hitam dia kata putih," katanya.

Ditanya tentang tohmahan bahawa beliau tidak menyukai anggota kerajaan dan Umno yang berkopiah putih serta berjanggut seperti yang disiarkan di laman-laman web reformasi, Dr Mahathir berkata laman-laman web seumpama itu adalah laman fitnah yang bertujuan hanya untuk membangkitkan kebencian kepada kerajaan.

"Oleh itu tidak hairanlah dia buat tuduhan yang macam itu," katanya.

Ditanya apakah tindakan Umno dan kerajaan untuk menangani perkara itu, beliau berkata tidak ada apa-apa tindakan diambil.

"Kita pakailah seperti biasa. Kalau kita nak pakai kopiah, kita pakailah kopiah. Kalau kita nak simpan janggut, kita simpanlah janggut. Tapi jangan tuduh orang tidak berjanggut itu bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir, yang turut ditanya mengenai ketetapan Umno Sabah yang mahu sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dihentikan, berkata perkara itu perlu diteliti dahulu.

Menjawab soalan lain tentang usaha pembebasan tawanan warga asing di Jolo, Filipina, beliau berkata usaha berkenaan perlu diteruskan termasuk menggunakan wakil perunding Malaysia.

"Kita harus cuba," katanya ketika ditanya sama ada wakil perunding Malaysia perlu digunakan untuk membebaskan 10 warga asing yang masih ditawan di Jolo walaupun kesemua sembilan rakyat Malaysia telah dibebaskan.

Seramai 21 orang, termasuk rakyat Malaysia itu, diculik dari Pulau Sipadan, Sabah oleh sekumpulan lelaki bersenjata pada 23 April dan dibawa ke Jolo sebagai tebusan.

Mengenai cadangan penubuhan sebuah kementerian bagi menjaga hal ehwal

wanita, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneliti perkara itu bagi mengetahui sama ada ia diperlukan atau tidak.

Ditanya mengenai kerajaan belum lagi membuat pengumuman kadar tol di Lebuh raya Seremban-Port Dickson, beliau berkata ia perlu dibincangkan semula dan sama ada kadar itu naik atau tidak, tidak diketahui lagi.

Laporan akhbar hari ini menyebut Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata bahawa Kabinet menangguhkan pengumuman mengenai penurunan kadar tol baru bagi lebuh raya berkenaan ke penghujung tahun ini.

Kadar tol baru bagi lebuh raya itu dan lebuh raya Kulim-Butterworth sepatutnya diumumkan Rabu lepas selepas mesyuarat kabinet dan penangguhan itu adalah kali kedua selepas Kabinet bersetuju menurunkan kadar tol di kedua-dua lebuh raya ekoran permintaan pengguna pada 9 Ogos lepas.

-- BERNAMA

MAM HS NHA AHH AKD